



فجایة فیقاره تانه دان کالین ترڠخانو.

Anhom PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706 Fax. : 09-6229887
3100 – 3115



PTG.TR. G/05/1988/06/04 – (18)

2 Mei 2006.
4 R'ahir 1427.

Pentadbir Tanah
Kuala Terengganu.

Pentadbir Tanah
Kemaman.

Pentadbir Tanah
Dungun.

Pentadbir Tanah
Besut.

Pentadbir Tanah
Hulu Terengganu.

Pentadbir Tanah
Marang.

Pentadbir Tanah
Setiu.

Tuan,

**Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil. 3/2006
PESERTA RANCANGAN TANAH BERKELOMPOK**

1. **TUJUAN:**

Arahan ini dikeluarkan untuk panduan semua Pentadbir Tanah bagi permohonan tanah kerajaan yang mana pemohon telah memiliki tanah pemberian kerajaan.

2. **LATAR BELAKANG:**

2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kali Ke-9 Tahun 2006 pada 29 Mac 2006 telah membuat keputusan berikut:-

“ Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu membuat penyemakan bagi memastikan setiap peserta yang memohon rancangan tanah berkelompok tidak mempunyai mana-mana tanah lain yang telah diberi oleh kerajaan selaras dengan Dasar Tanah Negeri, sebelum diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Penekanan perkara ini hendaklah diberi kepada proses pemutihan senarai nama peserta bagi rancangan tanah berkelompok yang sedang berjalan”.

- 2.2. Bagi mematuhi keputusan ini penyemakan yang teliti hendaklah dibuat sebelum permohonan dikemukakan ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian. Ini bagi mempastikan yang pemohon belum lagi memiliki tanah permohonan kerajaan. Penyemakan ini meliputi tanah-tanah yang dipohon secara **perseorangan / individu**.
- 2.3. Pemohon juga dikehendaki mengemukakan Surat Akuan Berkanun semasa mengemukakan permohonan. Contoh Surat Akuan Berkanun disertakan bersama-sama ini. Surat Akuan Berkanun ini juga hendaklah disertakan bagi permohonan yang akan diangkat ke Pejabat Tanah dan Galian bagi pertimbangan MMKN.

3. PEMAKAIAN DAN TARikh KUATKUASA:

Arahan ini diterimapakai serta perlu dibaca bersama dengan Garis Panduan Bagi Penolakan Ringkas Permohonan Tanah sebagaimana surat PTG.TR. 00/15/2006/0001 – (6) bertarikh 27 Mac 2006.

Sekian, terima kasih.

“ ISLAM HADHARI TERENGGANU BESTARI ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ABDUL RAZAK BIN ISMAIL)

Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

s.k.

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian
(Khidmat Pengurusan).

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian
(Pendaftaran).

Penolong Pengarah Tanah dan Galian
(Ambil Balik Tanah/Saguhati).

Penolong Pengarah Tanah dan Galian
(Kuat Kuasa dan Galian).

Penolong Pengarah Tanah dan Galian
(Pembangunan Tanah).

Penolong Pegawai Tanah NT 22.

Pembantu Tadbir Kanan.

Semua Pembantu Tadbir.

CONTOH
SURAT AKUAN

Saya _____ K.P. (Baru) : _____

K.P. (Lama) : _____ berumur : _____

tahun beralamat di _____

dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa saya dan isteri/suami belum pernah memiliki tanah pemberian kerajaan sebelum ini.

2. Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya }
diakui oleh yang tersebut namanya di atas }
itu _____ }
di Negeri Terengganu. }
Pada ____ haribulan ____ 20 }
{

No. K.P. : _____

Di hadapan saya

(Tandatangan Hakim Mahkamah Syesen,
Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)